



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

SULIT

5226/1

MODUL BERFOKUS SPM 2020

ANJURAN MPSM CAWANGAN PULAU PINANG

DENGAN KERJASAMA

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK

JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

NAMA SUBJEK :TASAWWUR ISLAM

KOD MP : 5226/1

ARAHAN:

1. Jawab semua soalan.
2. **Bahagian A** mengandungi 20 soalan yang lain. Jawab setiap soalan Dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 10 dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi 20 soalan yang lain. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

NAMA:.....

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--

BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI **10** MUKA SURAT TERMASUK KULIT

Bahagian A
[20 markah]

1 Kalimah _____ adalah merujuk kepada tauhid Uluhiyyah.

- A Sa'adah
- B Syahadah
- C Mahmudah
- D Musyahadah

2 Antara berikut yang manakah rasul Ulul Azmi?

- A Nabi Luth a.s
- B Nabi Idris a.s
- C Nabi Adam a.s
- D Nabi Ibrahim a.s

3 Antara berikut yang manakah **benar** mengenai perbezaan nabi dan rasul.

	Nabi	Rasul
A	Bilangannya ramai	Bilangannya 313 orang
B	Mempunyai kitab	Mempunyai kitab dan suhuf
C	Wahyu perlu disampaikan	Wahyu untuk dirinya sendiri
D	Seorang nabi semestinya rasul	Seorang rasul tidak semestinya nabi

Setelah amalan ditimbang manusia akan ditempatkan sama ada ke syurga atau ke neraka

4 Antara berikut manakah menjelaskan situasi di atas

- A Hisab
- B Kiamat
- C Kematian
- D Kebangkitan

5 Antara berikut manakah pernyataan yang **salah** tentang sumbangan alam kepada manusia?

- A Mengawal suhu bumi
- B Mengawal pencemaran udara
- C Mengekal sistem semula jadi
- D Mengelakkan kepupusan habitat haiwan

- 6 Antara yang berikut manakah kesan perbuatan merosakkan alam **kecuali**
- A tanah runtuh
 B kemarau berpanjangan
 C perubahan empat musim
 D lapisan ozon menjadi nipis

- 7 Cara bersyukur dengan menggunakan akal ialah
- A melazimkan berzikir dan berwirid
 B melakukan solat fardu dan sunat
 C memelihara dan memulihara alam
 D mentafsir dan memberi idea ke arah kebenaran

- 8 Antara berikut manakah padanan yang **betul** menunjukkan perbezaan antara wahyu dan akal?

	Wahyu	Akal
A	Bersifat sementara	Bersifat kekal
B	Mampu mencipta	Mampu berfikir
C	Untuk nabi dan rasul	Untuk semua manusia
D	Menerangkan perkara zahir	Menerangkan perkara ghaib

- 9 Berikut adalah tujuan mengetahui ciri-ciri wahyu **kecuali**
- A menolak ajaran sesat.
 B menangkis dakwaan nabi palsu.
 C meyakini kebenaran wahyu adalah mutlak.
 D mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Maksudnya: "Tidak Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran"
 (Maksud surah al-An'am: ayat 38)

- 10 Ayat di atas menerangkan _____.
- A kebenaran al-Quran
 B kesyumulan al-Quran
 C kebesaran al-Quran
 D kemuliaan al-Quran

- Menunaikan hak-hak yang wajib terhadap harta.
- Melaksanakan tanggungjawab sosial

- 11 Manakah antara yang berikut sesuai dengan pernyataan di atas.
- A Infak dan jariah
 B Wakaf dan hibah
 C Zakat dan sedekah
 D Wasiat dan hadiah

- 12 Antara berikut manakah sumber harta yang dibenarkan menurut Islam ?
- A Habuan pertaruhan dalam permainan sukan
 - B Pelaburan di dalam sistem perbankan konvensional
 - C Hadiah peraduan merekacipta busana muslimah
 - D Pembekal bahan mentah ke kilang minuman keras
- 13 Antara berikut adalah perbuatan yang boleh merosakkan harta **kecuali**
- A membekukan harta yang dimiliki
 - B membelanjakan harta secara berhemat
 - C membazir dalam membelanjakan harta
 - D membelanjakan harta pada perkara maksiat
- 14 Berikut adalah peraturan dalam pemilikan harta **kecuali**
- A menunaikan kewajipan terhadap harta
 - B harta boleh dibelanjakan mengikut keinginan
 - C harta yang dimiliki dibelanjakan dengan berhemat
 - D harta yang dimiliki dikembangkan dengan cara yang dibenarkan syarak
- 15 Antara berikut manakah **bukan** etika kerja Islam?
- A Perancangan yang betul
 - B Bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh
 - C Sentiasa meningkatkan produktiviti yang berkualiti
 - D Beramanah dalam melaksanakan kerja yang telah dipertanggungjawabkan
- 16 Berikut adalah antara kepentingan dan tujuan muamalah Islam, **kecuali**
- A manusia dapat saling berhubung
 - B manusia dapat saling mengenali
 - C manusia dapat saling menolong
 - D manusia dapat saling bermaafan

Puan Nilofa menggadaikan barang kemasnya kepada pihak bank untuk mendapatkan wang tunai bagi menambahkan modal perniagaan.

- 17 Pernyataan di atas merujuk kepada jenis muamalah?
- A al-Rahn
 - B al-Takaful
 - C al-Musyarakah
 - D al-Bai' bithaman ajil

- Menghormati hak milik individu.
- Menghormati hak awam seperti memelihara harta benda awam yang disediakan.
- Mengenakan hukuman yang tegas terhadap pencuri dengan memotong tangannya.

18 Pernyataan di atas merupakan matlamat perundangan Islam bagi _____.

- A memelihara nyawa
- B memelihara keturunan
- C memelihara harta benda
- D memelihara kehormatan diri

- Bebas membuat keputusan sendiri.
- Tidak terikat dengan waktu dan tempat.
- Mendapat kepuasan hasil daripada usaha sendiri.

19 Pernyataan di atas adalah tentang ciri _____.

- A bekerja makan gaji
- B bekerja sementara
- C bekerja sambilan
- D bekerja sendiri

20 Antara berikut yang manakah merupakan matlamat fatwa?

- I menyelesaikan masalah dalam masyarakat dengan cara yang terbaik berlandaskan al-Quran dan al-Hadis.
- II memastikan pihak yang bertelagah menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah.
- III mengelakkan pertikaian dan perselisihan pendapat dalam masyarakat.
- IV memastikan umat Islam sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang betul pada ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|---|--|---|
| 21 | Hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW. Hadis ini diriwayatkan oleh perawi yang <i>thiqah</i> , adil lagi <i>dhabit</i> dan tiada sebarang kecacatan. | | 1 |
| 22 | Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan Hadis. | | 1 |
| 23 | Agama Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat. | | 1 |
| 24 | Pembubaran ikatan perkahwinan antara suami dan isteri yang sah dengan lafaz cerai atau yang seumpama dengannya. | | 1 |

Soalan 25 hingga Soalan 28


Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

- | | | | |
|----|---|--|---|
| 25 | Allah SWT tidak menetapkan sesuatu yang tidak _____ dilaksanakan oleh hamba-Nya. | | 1 |
| 26 | _____ merupakan negara pertama dalam pemerintahan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW. | | 1 |
| 27 | Fasakh ialah pembatalan ikatan perkahwinan melalui kuasa _____. | | 1 |
| 28 | Sumber penyelesaian masalah yang kedua dalam Islam ialah _____. | | 1 |

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 29 dan Soalan 30

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.



Berdasarkan rajah di atas

	1
--	---


29 **P** ialah _____

	1
--	---

30 **Q** ialah _____**Soalan 31 hingga Soalan 32**

Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

Carta di bawah adalah berkaitan perkara yang merosakkan ibadat.



	1
--	---

31 **R** ialah _____

	1
--	---


32 **S** ialah _____

[Lihat halaman sebelah]

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 33 hingga Soalan 34

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan berdasarkan carta di bawah.



	1
--	---

33 **T** ialah _____


	1
--	---

34 **U** ialah _____

Soalan 35 hingga Soalan 36

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan berdasarkan carta di bawah.

Carta ini menerangkan tentang jenis ibadat dalam kehidupan.



	1
--	---

35 **V** ialah _____

	1
--	---

36 **W** ialah _____

[Lihat halaman sebelah

Soalan 37 hingga Soalan 40*Tanda (√) pada pernyataan yang betul.**Tanda (X) pada pernyataan yang salah.*

37. Lelaki adalah antara kriteria kelayakan untuk menjadi seorang hakim.

	1
--	---

38. Mengamalkan budaya tempatan yang positif adalah cara menangani budaya asing.

	1
--	---

39. Menguji dan mengaplikasi kaedah penyelesaian masalah adalah langkah pertama dalam menyelesaikan masalah.

	1
--	---

40. Terpengaruh dengan kemewahan dunia dan sanggup melakukan apa-apa sahaja adalah punca pencerobohan harta.

	1
--	---

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A**

- | | | | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|----|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

Markah Bahagian A